

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMAD BIN MUSTAFA**

**TARIKH : 17 DISEMBER 2018 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 25**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bersedia melaksanakan cadangan Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) ke Kelantan seperti mana yang sudah beroperasi di negeri-negeri utara Semenanjung Malaysia.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini, Kerajaan belum ada perancangan untuk melaksanakan cadangan Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) ke Kelantan seperti mana yang sudah beroperasi di negeri-negeri Semenanjung Barat Malaysia kerana melibatkan kos yang tinggi. Sebaliknya Kerajaan sedang memberi keutamaan kepada kerja-kerja baikpulih landasan keretapi bagi jajaran Gemas – Tumpat yang rosak akibat insiden banjir besar pada tahun 2014. Projek ini dijangka siap keseluruhannya pada penghujung tahun 2019.
2. Di samping itu, Kerajaan juga sedang melaksanakan pembelian 13 set (4 Cars) Diesel Multiple Unit (DMU) untuk kegunaan di sektor Pantai Timur (Gemas – Tumpat). Konsepnya adalah serupa dengan tren elektrik yang digunapakai bagi perkhidmatan Komuter/ETS di Pantai Barat tetapi dikuasakan oleh enjin diesel.
3. Dengan adanya set DMU ini, ianya bakal memulihkan serta meningkatkan kualiti perkhidmatan dan keselesaan tren penumpang bagi sektor Gemas - Tumpat. Set DMU ini akan diterima secara berperingkat bermula April 2019 sehingga Oktober 2019 dan akan mula beroperasi setelah penyiapan kerja-kerja naik taraf landasan pada penghujung tahun 2019.

Sekian, terima kasih.